



KP/KPPM/6 Jld. 2 (27)  
Tarikh: 21 Februari 2017

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2017***

**PEMANSUHAN KAD REKOD PERSEKOLAHAN (PUPIL'S CUMULATIVE  
RECORD CARD)**

- (a) Kad Rekod Persekolahan Murid Sekolah Rendah: 001R (Warna Kuning)
- (b) Kad Rekod Persekolahan Murid Sekolah Menengah: 001M (Warna Biru)

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan pemansuhan Kad Rekod Persekolahan (Pupil's Cumulative Record Card) untuk Murid Sekolah Rendah 001R (Warna Kuning) dan Murid Sekolah Menengah 001M (Warna Biru).

**LATAR BELAKANG**

2. Kad Rekod Persekolahan (Pupil's Cumulative Record Card) 001R dan Kad 001M merupakan satu jenis inventori yang wajib ada bagi setiap murid sekolah sehingga tamat persekolahan. Kad ini mengandungi rekod peribadi murid, keputusan peperiksaan, bantuan persekolahan yang diterima, minat atau

kecenderungan mengikut pilihan murid, rekod kesihatan, dan rekod penyakit kronik murid. Maklumat pada kad ini boleh digunakan untuk melihat perkembangan setiap murid sama ada perkembangan fizikal mahupun perkembangan mental.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas No. 9/1978 K.P.(BS)8548/1/Jld.VIII/(64) bertarikh 7 Julai 1978: Kad Rekod Persekolahan (Pupil's Cumulative Record Card) (a) Kad Persekolahan Murid Sekolah Rendah: 001R (Warna Kuning) (b) Kad Rekod Persekolahan Murid Sekolah Menengah: 001M (Warna Biru) menyatakan bahawa kad ini hendaklah digunakan untuk setiap murid sehingga tamat persekolahan.

4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.05/2016 bertarikh 4 Februari 2016 telah memutuskan supaya penggunaan Kad 001R dan Kad 001M dimansuhkan. Selaras dengan keputusan ini, penggunaan Kad 001R dan Kad 001M dimansuhkan penggunaannya mulai 1 Januari 2017. Ketetapan ini dibuat setelah mengambil kira semua maklumat yang ada pada kad tersebut telah dikutip secara dalam talian melalui pelbagai sistem kementerian pada masa ini.

## **PELAKSANAAN**

5. Sehubungan dengan itu, Kad 001R dan Kad 001M sedia ada hendaklah ditutup dan dibuat pengasingan serta dianggap sebagai rekod tidak aktif. Rekod ini hendaklah disimpan sementara menunggu permohonan pelupusan atau bagi mematuhi tempoh pengekalan yang ditetapkan di dalam Jadual Pelupusan Rekod. Panduan Pelupusan Rekod Awam yang diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia merupakan dokumen tatacara dan kaedah pelupusan rekod awam yang perlu dijadikan panduan dan rujukan sekolah bagi melaksanakan pelupusan Kad 001R dan Kad 001M di sekolah masing-masing.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat pemansuhan ini dikeluarkan.

## **PEMANSUHAN**

7. Dengan berkuat kuasa surat pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas No. 9/1978 K.P.(BS)8548/1/Jld.VIII/(64) bertarikh 7 Julai 1978: Kad Rekod Persekolahan (Pupil's Cumulative Record Card) (a) Kad Persekolahan Murid Sekolah Rendah: 001R (Warna Kuning) (b) Kad Rekod Persekolahan Murid Sekolah Menengah: 001M (Warna Biru) dimansuhkan.


## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

8. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)**  
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia